

# Malaysia perlu jadi kuasa besar

Oleh Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir **Mo-hamad** menegaskan pentingnya rakyat berusaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah kuasa besar pada abad akan datang.

Menurutnya, matlamat itu perlu dicapai supaya setiap keputusan yang dibuat dan keadilan yang dipertahankan oleh Malaysia, dihormati di peringkat antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir menasihatkan generasi muda supaya bersemangat patriotik bagi mengekalkan kemerdekaan di samping mempertahankan negara daripada pelbagai ancaman.

“Kita mahu menjadi kuasa besar supaya setiap keputusan dan keadilan yang kita pertahankan dihormati oleh negara lain. Tetapi, malangnya hari ini, kita adalah negara lemah yang ditekan daripada pelbagai arah.

“Kita ditekan bukan saja dari segi ekonomi malah politik dan ketenteraan. Ini bermakna walaupun kita merdeka tetapi hanya di dalam negara, bukan di peringkat antarabangsa.

“Negara maju masih mengugut supaya kita tunduk kepada kemahuan mereka. Mereka bimbang pertumbuhan pesat ekonomi kita mungkin mengugut pula kepentingan mereka,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di Majlis Himpunan Pahlawan yang pertama kali dianjurkan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) di Stadium Negara di sini, hari ini. Seramai 18,000 ahli PBPM hadir.

Dr Mahathir dianugerahkan Darjah Wira Bakti terpuji daripada Presiden PBPM, Datuk Zainol Abidin Johari. Sebelum itu, Zainol mengetuai 18,000 ahli PBPM membaca ikrar taat setia terhadap kepemimpinan negara.

Turut menerima anugerah yang sama ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan bekas Presiden PBPM, Jen (B) Tan Sri Abdul Hamid Bidin. Darjah itu yang pertama kali diwujudkan oleh PBPM diberikan kepada pemimpin yang berjasa kepada pasukan keselamatan negara.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, dasar penghantaran anggota tentera ke luar negara bukan hanya bertujuan memelihara keamanan antarabangsa sebaliknya ia turut mempertahankan keselamatan negara.

“Secara tidak langsung, kita boleh mewujudkan hubungan erat dengan lebih banyak negara agar mereka boleh membantu dan melindungi kita apabila diserang,” katanya.